



UCAPAN
PROF DATO' DR. MOHD FAKHRUDIN BIN ABDUL MUKTI
REKTOR KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH (KUIN)
DI MAJLIS ISTIADAT PEMASYHURAN CANSELOR &
KONVOKESYEN KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH SIDANG 3

PADA : 22 OKTOBER 2017
TEMPAT : DEWAN PERMAISURI TUANKU HAJAH
HAMIMAH

**ISTIADAT PEMASYHURAN CANSELOR & KONVOKESYEN
KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH KALI KE-19**



TEKS UCAPAN

REKTOR KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH

Yang Berbahagia Pengurusan Tertinggi Kolej Universiti
INSANIAH

Ahli-Ahli Senat Kolej Universiti **INSANIAH**,

Dif-dif jemputan, staf pentadbiran dan akademik Kolej Universiti **INSANIAH**, para waris dan seterusnya para graduan yang diraikan sekalian.

Selamat datang ke Istiadat Konvokesyen Kolej Universiti **INSANIAH** Kali ke-19

Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh.

Alhamdulillah, pada hari ini kita bersama-sama merayakan peristiwa yang amat bersejarah bagi Kolej Universiti Insaniah. Ia merupakan momen yang sangat istimewa kerana ia menandakan pencapaian akademik dan profesional para graduan yang telah lulus. Selain itu, hari ini juga merupakan hari yang bahagia untuk seluruh komuniti Kolej Universiti Insaniah kerana mereka yang telah mencapai pencapaian ini.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kehadrat Allah SWT yang mengizinkan kita berkumpul pada hari yang mulia ini bagi menyempurnakan Istiadat Konvokesyen Kolej Universiti INSANIAH Kali ke-19.

Sebagai makluman, semalam sebelum bermulanya sidang pertama Istiadat Konvokesyen KUIN Kali Ke-19, telah disempurnakan Istiadat Pemasyuran Canselor Kolej Universiti INSANIAH (KUIN) yang baru iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman sebagai Canselor Kolej Universiti INSANIAH (KUIN).

Para hadirin yang saya dihormati sekalian.

Ucapan "Tahniah" daripada saya dan seluruh warga INSANIAH kepada graduan yang telah berjaya dan akan di anugerahkan ijazah masing-masing, termasuk graduan dari Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) Kelantan dan Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) Pahang, yang telah berjaya menamatkan program berkembar bersama Kolej Universiti INSANIAH pada tahun ini. Setinggi-tinggi penghargaan kepada para ibu bapa yang sentiasa memberi dorongan kepada anak-anak untuk terus berjaya di dunia dan di akhirat. Secara peribadi, saya amat berbangga dengan kejayaan semua graduan yang telah berusaha bersungguh-sungguh dalam pengajian masing-masing sepanjang menuntut ilmu di kampus Kolej Universiti INSANIAH ini. Saya percaya kejayaan anda semua pada hari ini pasti menjadi pendorong kepada mahasiswa yang lain untuk terus berusaha bagi mencapai kejayaan yang sama di masa akan datang.

Hadirin yang saya hormati sekalian.

Sempena Istiadat Konvokesyen Kolej Universiti INSANIAH Kali ke 19 ini, saya mewakili seluruh warga INSANIAH, ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kerajaan Negeri Kedah di bawah pimpinan Y.A.B Dato' Seri DiRaja Ahmad Bashah Md Hanipah, Menteri Besar Kedah, selaku Penggerusi Ahli Lembaga Pengarah Kolej Universiti INSANIAH, di atas segala sokongan padu yang diberikan selama ini samaada dalam bentuk kewangan, pengurusan dan khidmat nasihat bagi tujuan memastikan kampus Kuala Ketil ini dibangunkan menjadi sebuah Institusi Pengajian Tinggi Islam bertaraf dunia dan menjadi kebanggaan kerajaan Negeri Kedah dan rakyat Negeri Kedah Darul Aman seluruhnya.

Para hadirin yang saya muliakan.

Pada awal bulan Disember 2014, Kolej Universiti INSANIAH telah beroperasi sepenuhnya di Kampus Baru Kuala Ketil ini. Alhamdulillah, berkat usaha yang berterusan dari seluruh warga Kolej Universiti INSANIAH serta sokongan yang tidak berbelah bagi daripada Kerajaan Negeri Kedah, pada 11 Ogos 2017, Kolej Universiti INSANIAH secara rasminya telah menerima kelulusan Penubuhan Universiti Penuh daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Pendaftaran sebagai universiti penuh ini akan dapat direalisasikan dengan memenuhi beberapa syarat yang telah ditetapkan antaranya:

PERTAMA: Semua kursus pengajian yang ditawarkan mestilah mematuhi segala garispanduan yang telah ditetapkan oleh MQA.

KEDUA: Memastikan kebolehpasaran graduan pada kadar 70%.

KETIGA: 80% kakitangan akademik berkelulusan sarjana (Master).

KEEMPAT: Bilangan pelajar antarabangsa mestilah mencapai 20% daripada jumlah keseluruhan pelajar yang mendaftar.

KELIMA: Memastikan 30% daripada kos operasi INSANIAH diperuntukan bagi tujuan R&D.

Oleh itu, usaha secara berterusan ini telah pun dilaksanakan bagi memenuhi kelima-lima syarat yang telah ditetapkan sebagai syarat pendaftaran penubuhan Universiti Penuh. InsyaAllah dengan izin Allah SWT, pendaftaran Kolej Universiti INSANIAH sebagai universiti penuh akan dapat direalisasikan dalam masa yang terdekat ini setelah dua syarat yang sedang dipenuhi iaitu No. 2 dan No. 4.

Para hadirin yang saya dihormati sekalian.

Bagi memastikan Kolej Universiti INSANIAH menjadi salah sebuah Institusi Pengajian Tinggi Islam yang berdayasaing samaada di peringkat nasional maupun di peringkat antarabangsa, beberapa bentuk kerjasama telah dilaksanakan bagi memastikan Kolej Universiti INSANIAH terus relevan dalam memenuhi kehendak industri masa kini.

Bagi tahun 2017 ini, Kolej Universiti INSANIAH telah menandatangani persefahaman (MoU) bersama beberapa institusi di dalam dan di luar negara. Antaranya, Universiti Islam Imam Bonjol (Indonesia), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei, International University of Renewal, Turkey, International Islamic University Islamabad, Pakistan serta beberapa Institusi pengajian tinggi Islam di Thailand, China dan Cambodia. Semua ini merupakan antara

perancangan strategik bagi tujuan kelestarian akademik Kolej Universiti INSANIAH dalam memastikan INSANIAH menjadi sebuah Institusi Pengajian Tinggi Islam yang berdaya saing di peringkat antarabangsa. Program-program *franchise* serta jalinan serantau yang menjadi salah satu medium promosi Kolej Universiti INSANIAH di peringkat tempatan maupun di peringkat global turut dipertingkatkan. Antara program-program *franchise* yang telah dilaksanakan ialahnya antara Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) Kelantan, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah(KUIPSAS) Pahang, Kolej Yayasan Restu Selangor, Kolej Yayasan Sabah di Sabah dan lain-lain lagi. Sehingga kini Kolej Universiti INSANIAH mempunyai lebih **1,200** orang pelajar dari pelbagai bidang pengajian daripada program *franchise* ini, seperti Syari'ah, Usuluddin, Kewangan dan Perbankan Islam, Pengurusan Hotel dan Perkhidmatan Halal dan sebagainya. Pada 25 & 25 Julai 2017 yang lalu, Persidangan Pemerkasaan Bahasa Arab Merentasi Cabaran Globalisasi (ALIC) 2017 telah berlangsung dengan jayanya. Persidangan ini telah menerima kehadiran lebih 100 orang pakar bahasa Arab di mana 50 orang pakar adalah dari negara-negara Arab seperti Mesir, Qatar, Jordan, Palestine, Maghribi, Algeria, Libya, Turki, Tunisia, Sudan, Nigeria, Arab Saudi dan Emiriyah Arab Bersatu (UAE).

Sidang hadirin sekalian,

Selain daripada itu, Pusat Pemikiran Al-Fateh telah diluluskan penubuhannya oleh Lembaga Pengarah KUIN yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Sri DiRaja Menteri Besar Kedah. Pusat ini dijangka akan meningkatkan aktiviti penyelidikan dan penerbitan KUIN. Bagi memperkasakan pengajian Islam,

penstukturran semula Kulliyyah Usuluddin dan Kulliyyah Al-Quran Wal Qiraat telah disatukan menjadi Kulliyyah yang besar melalui penjenamaan semula kepada Kulliyyah Usulludin dan Sains Al Quran. Penstukturran ini juga termasuk penjenamaan bagi Kulliyyah Hospitaliti dan Seni Kreatif bagi melahirkan graduan professional dalam bidang Hospitaliti dan Seni Kreatif. Penggabungan ini akan membentuk kekuatan sinergi dalam memperkasakan bidang-bidang di KUIN.

Selain daripada itu, Kolej Universiti INSANIAH kini turut memberi penumpuan kepada penawaran program dwi major atau major minor yang menggabungkan dua program dalam satu Ijazah, seperti Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dan Pengurusan, Ijazah Sarjana Muda Shariah dan Kewangan Islam dan sebagainya. Ini secara langsung akan meningkatkan kebolehpasaran graduan pada masa akan datang. Selain itu juga, KUIN turut menekankan teknologi dalam pendidikan bagi keperluan masa akan datang. Ini selaras dengan Pendidikan 4.0 yang memberi penekanan kepada penggunaan teknologi dalam pembelajaran dan pengajaran di dalam dan di luar bilik kuliah selaras dengan kehendak industri masa kini.

Melalui usaha-usaha yang dilakukan ini, ianya diharap dapat membantu ke arah tercapainya kelestarian akademik Kolej Universiti INSANIAH bermula tahun ini dan tahun-tahun yang akan datang.

Para hadirin yang saya muliakan.

Sekali lagi saya ucapkan Tahniah dan Syabas kepada seluruh graduan yang berada pada hari ini sempena Istiadat Konvokesyen Kolej Universiti INSANIAH Kali ke-19. Sepertimana yang tuan-tuan dapat lihat, di luar Dewan

Permaisuri Tuanku Hajah Haminah ini diadakan gerai jualan sempena Istiadat kali ini dan saya menjemput semua yang hadir ini untuk sama-sama menziarahi dan berbelanja di gerai jualan yang terdiri dari peniaga-peniaga luar, persatuan-persatuan pelajar Kolej Universiti INSANIAH, sebaik saja selesai istiadat ini.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Istiadat Konvokesyen Kolej Universiti INSANIAH Kali ke 19 pada kali ini. Semoga Allah SWT memberkati usaha semua pihak yang terlibat samaada secara langsung maupun secara tidak langsung.

**WABILLAHİ TAUFİK WALHİDAYAH
WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHİ
WABARAKATUH.**

[TAMAT]